

**PANDUAN DAN PERATURAN-PERATURAN PENTAULIAHAN
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

**PANDUAN PENGGUNAAN LOGO SKIM
PERSIJILAN NDT, TANDA AKREDITASI
DAN TANDA *CERTIFIED PERSON***

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

1.0	SKOP PANDUAN	3
2.0	TUJUAN PANDUAN	3
3.0	DAFTAR SINGKAT DAN TAFSIRAN	3
4.0	BENTUK DAN PAPARAN LOGO SKIM PERSIJILAN, TANDA AKREDITASI DAN TANDA <i>CERTIFIED PERSON</i>	3
5.0	TATACARA PENGGUNAAN LOGO SKIM PERSIJILAN, TANDA AKREDITASI DAN TANDA <i>CERTIFIED PERSON</i>	4
6.0	SENARAI LAMPIRAN DAN BORANG	5
7.0	MAKLUMAT TAMBAHAN	5
8.0	TARIKH KUATKUASA	5
9.0	LAMPIRAN 1 : RAJAH LOGO SKIM PERSIJILAN	6
10.0	LAMPIRAN 2 : RAJAH TANDA AKREDITASI	7
11.0	LAMPIRAN 3 : RAJAH TANDA <i>CERTIFIED PERSON</i>	8

1.0 SKOP PANDUAN

Panduan ini menggariskan tatacara penggunaan logo skim persijilan, tanda akreditasi dan tanda *Certified Person* oleh pemegang sijil SKM NDT.

2.0 TUJUAN PANDUAN

Tujuan panduan adalah untuk memastikan penggunaan logo skim persijilan, tanda akreditasi dan tanda *Certified Person* oleh pihak-pihak terlibat dilaksanakan dengan betul dan tepat.

3.0 DAFTAR SINGKATAN DAN TAFSIRAN

- 3.1 Semak Daftar Singkatan dan Tafsiran NDT (JPK/MK-NDT/03)
- 3.2 Skim persijilan – Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bagi Ujian Tanpa Musnah (NDT).
- 3.3 Logo skim persijilan – Logo Jabatan dan dikelilingi pernyataan MALAYSIAN NDT PERSONNEL CERTIFICATION mengikut arah jam dan pernyataan ISO 9712 di bawah logo melawan arah jam (rujuk Rajah 1).
- 3.4 Akreditasi – Perakuan rasmi bahawa JPK adalah badan persijilan bagi pengamal NDT berdasarkan pensijilan MS ISO/IEC 17024 *Conformity Assessment : General Requirement for Certification of Persons* dari Jabatan Standard Malaysia.
- 3.5 Tanda akreditasi – Logo skim persijilan bersama logo akreditasi dari Jabatan Standard Malaysia dengan pernyataan MS ISO/IEC 17024 dan kod akreditasi PS 03102012 CB 02 di bawahnya (rujuk Rajah 2).
- 3.6 *Certified Person* – Pemegang SKM NDT.
- 3.7 Tanda *Certified Person* – logo skim persijilan dengan pernyataan *Certified Person* di bawahnya bagi kegunaan pemegang sijil SKM NDT (rujuk Rajah 3).

4.0 BENTUK DAN PAPARAN LOGO SKIM PERSIJILAN, TANDA AKREDITASI DAN TANDA *CERTIFIED PERSON*

- 4.1 Logo skim persijilan SPKM NDT
 - 4.1.1 Logo skim persijilan SPKM NDT adalah seperti Rajah 1.
 - 4.1.2 Logo Jabatan berwarna Biru Laut (*navy blue*).
- 4.2 Tanda akreditasi SPKM NDT
 - 4.2.1 Tanda akreditasi adalah seperti Rajah 2.

4.2.2 Terdapat dua (2) versi tanda akreditasi, iaitu:

- i. Berwarna seperti Rajah 2(a).
- ii. Warna hitam putih seperti Rajah 2(b).

4.3 Tanda *Certified Person*

4.3.1 Tanda *Certified Person* adalah seperti Rajah 3.

4.3.2 Terdapat dua (2) jenis tanda *Certified Person*, iaitu:

- i. Bagi kegunaan dalam kad nama seperti Rajah 3(a).
- ii. Bagi kegunaan cop pengesahan kerja seperti Rajah 3(b).

5.0 TATACARA PENGGUNAAN LOGO SKIM PERSIJILAN, TANDA AKREDITASI DAN TANDA *CERTIFIED PERSON*

5.1 Logo skim persijilan dan tanda akreditasi hanya boleh digunakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran sahaja.

5.2 Tanda *Certified Person* boleh digunakan berdasarkan situasi berikut:

- i. Bagi kegunaan dalam kad nama,
 - a. tanda *Certified Person* seperti Rajah 3(a);
 - b. warna tanda *Certified Person* hendaklah mengikut spesifikasi seperti Rajah 3(a);
 - c. lokasi tanda *Certified Person* hendaklah berada pada muka kad yang tertera nama pemegang sijil; dan
 - d. saiz tanda *Certified Person* hendaklah boleh dibaca dengan jelas.
- ii. Bagi kegunaan cop pengesahan laporan kerja,
 - a. tanda *Certified Person* seperti Rajah 3(b);
 - b. warna biru dan saiz tanda *Certified Person* hendaklah mengikut spesifikasi seperti Rajah 3(b);
 - c. mengandungi nama pemegang sijil dan nombor siri sijil;
 - d. nombor siri sijil hendaklah daripada tahap tertinggi dalam kaedah NDT berkaitan;
 - e. digunakan oleh pemegang sijil Tahap 2 dan Tahap 3 yang mempunyai tempoh yang masih sah sahaja; dan
 - f. digunakan bagi tujuan pengesahan laporan kerja berkaitan NDT sahaja.

5.3 Pemegang sijil yang berminat menggunakan tanda *Certified Person* hendaklah mengemukakan permohonan melalui Borang Perakuan Penerimaan Sijil bagi

pemohon sijil baru atau secara bertulis bagi pemegang sedia ada kepada Jabatan.

6.0 SENARAI LAMPIRAN DAN BORANG

- 6.1 Lampiran 1 : Rajah logo skim persijilan.
- 6.2 Lampiran 2 : Rajah tanda akreditasi.
- 6.3 Lampiran 3 : Rajah tanda *Certified Person*.
- 6.4 Borang perakuan penerimaan sijil.

7.0 MAKLUMAT TAMBAHAN

Keperluan panduan ini tertakluk kepada perubahan oleh JPK dari semasa ke semasa.


8.0 TARIKH KUATKUASA

Peraturan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam aktiviti Persijilan Kemahiran Malaysia Ujian Tanpa Musnah.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


**KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
2014**

LAMPIRAN 1



Rajah 1: Logo skim persijilan

LAMPIRAN 2




Rajah 2 : Tanda akreditasi

LAMPIRAN 3



Certified Person

(a)



(b)

Rajah 3 : Tanda *Certified Person*